

25/03/1998

Imbangi kemajuan teknologi dengan moral

KETIKA ditanya pemberita mengenai perimbangan antara moral dan teknologi, Dr Mahathir dilaporkan berkata, beliau telah bercakap dengan beberapa ahli akademik dari negara asing dan mereka bersetuju bahawa perkembangan teknologi yang begitu pesat memberi kuasa kepada orang menguasai teknologi itu.

"Kalau mereka tidak imbangi teknologi dengan nilai yang lebih baik, kemungkinan ialah teknologi itu akan digunakan secara yang tidak mendatangkan manfaat bahkan boleh merosakkan masyarakat.

"Umpamanya kalau mereka boleh buat animasi, mereka boleh tumpukan kepada hiburan yang berasaskan nafsu dan yang tidak membina. Kita boleh hiburan diri kita tetapi taklah perlu kita cuma hiburan diri dengan nafsu semata.

"Kalau kita tengok The Lion King, itu pun amat menarik sekali. Tetapi kalau kita tengok setengah-setengah animasi yang lain, tumpuannya semata-mata kepada keganasan, seks kerana orang yang mencipta hiburan ini tidak mempunyai nilai moral yang mengimbangi kebolehan," katanya.

Jika diperhalusi kata-kata PM itu, nyata sekali nilai murni yang tinggi perlu berada di tahap teratas berbanding teknologi. Ini kerana tanpa moral, teknologi tidak membawa kesejahteraan kepada manusia, sebaliknya merosakkan bukan saja individu malah masyarakat dan negara.

Beliau berkata, satu daripada sebab masalah yang sedang kita hadapi sekarang - kegawatan ekonomi dan mata wang - berpunca daripada kemajuan teknologi.

Pada masa lalu, mereka yang melakukan perdagangan komoditi memerlukan kapal, kereta api dan masa yang lama untuk membawa barangan berkenaan dari setempat ke setempat tetapi kini keadaan sudah berubah.

Sekarang orang boleh mengurus niaga mata wang tanpa perlu menggerakkan mata wang itu sama-sekali. "Mereka hanya perlu menggerakkan jari pada skrin TV yang dihubungkan ke seluruh dunia," katanya.

Jumlah sebenar wang yang terbabit dalam urusan niaga itu mungkin menjangkau sehingga trilion dolar tetapi mereka boleh melakukannya tanpa perlu menggerakkan walau sedolar pun, kata Perdana Menteri.

"Keajaiban teknologi moden ialah ia membolehkan seseorang menjual satu trilion dolar dalam masa sesaat saja.

"Ini seharusnya baik untuk kita tetapi malangnya ia tidak baik untuk sesetengah negara termasuk Malaysia," katanya.

Kata-kata PM dalam ucapannya itu adalah benar. Malaysia dan negara lain diserang dengan hebat melalui kemajuan teknologi oleh manusia yang kurang moralnya.

Bukan itu saja, Malaysia turut menerima limpahan maklumat negatif seperti pornografi melalui Internet daripada Barat yang sudah kurang nilai murninya dalam kehidupan mereka.

Tujuan mereka adalah jelas, merosakkan nilai murni masyarakat Timur dan menggantikan dengan nilai mereka yang mementingkan hawa nafsu dan kebendaan. Perkembangan teknologi menyebabkan alat yang digunakan untuk menyerang masyarakat Timur menjadi semakin canggih dan hebat.

Melalui filem yang dibantu kecanggihan teknologi komputer dan perisian, mereka mampu mencipta satu adegan yang benar-benar realistik sehingga kita sendiri terpengaruh dengan apa yang dipertontonkan.

Dan jika diteliti, populariti Internet di kalangan pengguna kerana mudahnya mendapatkan gambar porno sama ada gadis tempatan atau individu ternama. Ia tidak lagi sebagai bahan terkawal sebaliknya dapat

disebarluaskan kepada ramai pihak dengan cepat dan berkesan.

Ini yang kita tidak mahu. Kita tidak mahu minda dan moral rakyat dirosakkan bahan negatif hasil kerosakan moral pihak Barat. Kita perlu mengisi Internet dengan bahan berfaedah yang dapat membina kemanusiaan dan membentuk tamadun yang maju berasaskan nilai murni yang kukuh.